

14 OCT 2003

RTM-Universiti

RTM AKAN USAHA SIAR KEJAYAAN UNIVERSITI DALAM BIDANG PENYELIDIKAN

KOTA BAHARU, 14 Okt (Bernama) -- Radio Televisyen Malaysia (RTM) akan terus berusaha membantu menyiarkan kejayaan hasil penyelidikan oleh universiti tempatan, kata Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin.

Katanya, menjadi objektif utama RTM menyiarkan kejayaan oleh pakar tempatan dalam bidang penyelidikan sehingga ia mampu memartabatkan kejayaan itu di peringkat antarabangsa.

Zainuddin berkata ketika ini RTM memberikan penghormatan kepada semua universiti tempatan itu dengan mengadakan segmen "Ritma Menara" yang mendapat sambutan baik daripada penonton.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Universiti Sains Malaysia (USM) meraikan kira-kira 50 wakil media di Kelantan dalam satu jamuan malam tadi.

Ketika berucap pada majlis itu, Zainuddin menafikan kononnya media di negara ini tidak telus dan hanya menyiarkan berita tertentu sahaja untuk kepentingan kerajaan pusat.

"Cuba lihat, media juga melaporkan apa yang (Menteri Besar Kelantan, Datuk) Nik Abdul Aziz (Nik Mat) kata kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Beliau berkata media juga kadangkala menyiarkan artikel yang tidak disenangi kerajaan seperti masalah kekotoran di Pulau Pinang dan perjudian di Bukit Tinggi tetapi itu adalah hakikat bahawa media di negara ini begitu telus.

Naib Canselor USM Prof Datuk Dzul kifli Abdul Razak, berkata universiti itu telah menjadikan sebuah bangunan lama di Georgetown, Pulau Pinang, sebagai pusat untuk memartabatkan seni warisan negara.

"Kita merancang misalnya agar kelas-kelas gamelan, wayang kulit dan seni muzik tradisi diajar secara terbuka di pusat itu. Kita tidak meminggirkan aspek seni dan budaya di USM," katanya.

-- BERNAMA

ZI DC MAI